

**BN namakan Jazlan sebagai pengerusi PAC, Seng Giaw timbalan
Malaysian Insider
July 18 , 2013
Oleh Jahabar Sadiq, Pengarang**

Barisan Nasional (BN) menamakan Ahli Parlimen Pulau, Datuk Nur Jazlan Mohamed (gambar) sebagai Pengerusi Jawatankuasa Kira-kira Wang Negara (PAC), badan yang melakukan pengawasan dana dan perbelanjaan kerajaan.

The Malaysian Insider difahamkan, BN mahu meletakkan akauntan bertauliah dan ahli korporat dalam PAC kerana Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Razak mengambil berat pelbagai kes yang diadu kepada PAC.

"Jazlan memiliki latar belakang itu dan pelantikannya dapat diterima pembangkang," kata sumber BN yang menambah, Jazlan juga ahli PAC pada sesi Parlimen lalu.

Pakatan Rakyat (PR) sebelum ini mahu menduduki jawatan tertinggi PAC itu dengan alasan, mengikut amalan demokrasi berparlimen ia lazimnya diketuai pembangkang, sebaliknya BN selama ini mendominasi kerusi berkenaan.

Pemilihan Jazlan dicalonkan Perdana Menteri dengan Ahli Parlimen Kepong, Dr Tan Seng Giaw sebagai timbalan dimasukkan dalam Kertas Perintah untuk Dewan Rakyat, hari terakhir bagi sesi pertama Parlimen ke 13.

Difahamkan, BN turut mempertimbang beberapa nama lain untuk jawatan itu termasuk beberapa bekas menteri yang masih ahli parlimen tetapi Najib memilih Jazlan berikutan pengalamannya dalam bidang akauntan dan korporat.

Calon-calon lain dilihat mempunyai beban politik untuk jawatan itu.

Pastinya, Jazlan berdepan cabaran besar berikutan PR memiliki beberapa ahli parlimen yang mahir dalam bidang kewangan, antaranya Ahli Parlimen Raub, Datuk Mohd Ariff Sabri; Ahli Parlimen Bagan, Lim Guan Eng, Ahli Parlimen Petaling Jaya, Tony Pua dan Ahli Parlimen Pandan, Rafizi Ramli.

Portfolio PAC juga lebih luas lantaran Ketua Audit Negara kini membuka siasatan terhadap syarikat dana negara, Khazanah Nasional Bhd yang sahamnya dimiliki kerajaan melalui 70 syarikat termasuk syarikat disenarai awam.

Laporan Ketua Audit Negara juga digunakan sebagai asas kepada siasatan PAC, apatah lagi terdapat banyak projek awam yang kosnya melampau dan tertanggung, antaranya Projek KLIA 2.

Mengikut peraturan parlimen, PAC terdiri daripada pengerusi dan naib pengerusi yang dilantik Parlimen dengan sekurang-kurangnya enam dan tidak lebih 12 ahli yang dicalonkan jawatankuasa pemilihan, sebaik sahaja sidang parlimen bermula.

Tugas utama PAC ialah memeriksa akaun dan pembahagian dana dari Parlimen untuk perbelanjaan awam, akaun pihak berkuasa dan pentadbiran dana awam, Laporan Ketua Audit Negara dan hal lain yang difikirkan sesuai.

Jazlan adalah bekas Pengerusi UDA Holding, syarikat di bawah Kementerian Kewangan dan

Pengarah Telekom Malaysia Bhd.

Beliau juga Felo Persatuan Akauntan Chartered Certified UK dan Pengerusi Jawatankuasa Perhubungan Awam Institut Akauntan Malaysia, selain ahli majlis Persekutuan Akauntan Asean.

Beliau adalah anak sulung kepada bekas Menteri Penerangan dan Setiausaha Agung Umno, Allahyarham Tan Sri Mohamed Rahmat. - 18 Julai, 2013.

Hakcipta © 2013 The Malaysian Insider

Source:

<http://www.themalaysianinsider.com/bahasa/article/bn-namakan-jazlan-sebagai-pengerusi-pac-seng-giaw-timbangan>